

18 JUN 1998

WANITA UMNO KUMPUL RM82,500 UNTUK DANA KHAS NEGARA

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Pergerakan Wanita Umno hari ini membuktikan keprihatinnya terhadap kegawatan ekonomi negara dengan mengumpulkan sejumlah RM82,500 untuk Dana Khas Negara.

Kutipan itu menjadikan jumlah yang dipungut pergerakan itu sehingga ini berjumlah RM112,500 dengan kutipan sebelum ini sebanyak RM30,000, yang telah diserahkan kepada pihak pengurusan dana itu.

Naib Ketua pergerakan itu, Datuk Napsiah Omar, berkata sumbangan hari ini yang berupa wang tunai, disumbangkan oleh 165 bahagian dengan setiap bahagian memberi RM500. Sumbangan sebelum ini terdiri daripada wang tunai dan barang kemas.

Beliau kemudiannya menyerahkan cek bernilai sebanyak itu kepada Ketua Pergerakan Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman untuk diserahkan kepada Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Perhimpunan Agung parti esok.

Pergerakan itu juga menghargai jasa Nordziah Mohd Noor, 39, penerjun wanita tunggal dalam ekspedisi terjun bebas negara ke Kutub Utara pada 21 April lepas.

Ibu kepada lima anak itu yang merupakan salah seorang daripada 16 penerjun ke Kutub Utara diberikan 10,000 unit saham Asnita bernilai RM5,000 dan sijil penghargaan.

Napsiah berkata pemberian itu adalah merupakan penghargaan pergerakan terhadap Nordziah atas pencapaiannya yang mengharumkan negara.

-- BERNAMA

NHD oba